



PEJABAT TANAH DAN GALIAN NEGERI PULAU PINANG
PARAS 3, 21 DAN 22
KOMPLEKS TUN ABDUL RAZAK (KOMTAR)
10000 PULAU PINANG



Tel: 04 - 650 5211 (Pejabat Am)
Faks: 04 - 2619588
Laman Web: <http://ptg.penang.gov.my>

Ruj. Kami : PTGPP/H/2173 Jld.38(52)
Tarikh : 2 November 2020

SEPERTI SENARAI EDARAN

Tuan / Puan,

ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN BIL. 11/2020

PINDAAN GARIS PANDUAN PERMOHONAN PENGURANGAN CUKAI TANAH DI NEGERI PULAU PINANG

Arahan ini bertujuan untuk memberikan garispanduan kepada Pentadbir-Pentadbir Tanah bagi memberikan syor dan pertimbangan ke atas permohonan pengurangan cukai tanah.

2. Dimaklumkan bahawa Pihak Berkuasa Negeri di mesyuaratnya pada 09.09.2020 dan disahkan pada 23.09.2020 telah bersetuju dengan pindaan Garis Panduan Permohonan Pengurangan Cukai Tanah di Negeri Pulau Pinang melalui Kertas Bil. 732/2020 seperti di **Lampiran B** untuk perhatian tuan/puan. Garis Panduan Permohonan Pengurangan Cukai Tanah yang dipinda ini mula berkuatkuasa mulai **1 Januari 2021**.

3. Oleh yang demikian, Garis Panduan Pengurangan Cukai Tanah Bil. 1017/85 yang dilampirkan melalui Arahan Pengarah Tanah dan Galian Bil.1/86 bertarikh 19.05.1986 adalah dibatalkan.

4. Kerjasama dan perhatian daripada pihak tuan/puan berhubung perkara di atas amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian,

**"CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

(HAJI ZULKIFLI BIN LONG)

Pengarah Tanah dan Galian
Pulau Pinang

SILA SEBUTKAN NO. RUJUKAN PEJABAT INI APABILA MENJAWAB

**CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS
KE ARAH KECEMERLANGAN PENGURUSAN TANAH**

SENARAI EDARAN

Pegawai Daerah
Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Utara
13200 Kepala Batas
Pulau Pinang
(u.p. : Puan Ummu Umairah binti Azahari)

Pegawai Daerah
Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Tengah
Jalan Betek, Sungai Rambai
14000 Bukit Mertajam
Pulau Pinang
(u.p. : Encik Saiful Syahrizal bin Yaakob)

Pegawai Daerah
Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Selatan
14200 Sungai Jawi
Pulau Pinang
(u.p. : Encik Rosfihan bin Othman)

Pegawai Daerah
Pejabat Daerah dan Tanah Timur Laut
Tingkat 51, Bangunan Komtar
10000 Pulau Pinang
(u.p. : Puan Nur Amira Binti Mohammad Nasir)

Pegawai Daerah
Pejabat Daerah dan Tanah Barat Daya
11000 Balik Pulau
Pulau Pinang
(u.p. : Puan Nurul Ain Binti Alzafry Mohamed Alnassif)

SENARAI EDARAN DALAMAN

1. Timbalan Pengarah (Pendaftaran dan Hasil)
2. Ketua Unit Perancangan dan Pembangunan
3. Ketua Unit Penguatkuasaan dan Teknikal
4. Ketua Unit Pendaftaran Hakmilik
5. Ketua Unit Khidmat Pengurusan
6. Ketua Unit Teknologi Maklumat
7. Ketua Unit Audit Pengurusan
8. Ketua Unit Hakmilik Strata
9. Ketua Unit Perundangan
10. Ketua Unit Hasil

**GARIS PANDUAN PENGURANGAN CUKAI TANAH / TUNGGAKAN CUKAI TANAH /
TUNGGAKAN DENDA LEWAT BAGI NEGERI PULAU PINANG**

Bil	Perkara	Permohonan Pengurangan		
		Cukai Tahunan	Tunggakan Cukai Tanah	Tunggakan Denda Lewat
1	Tanah yang di tanam semula dengan getah, kelapa sawit, kelapa atau pokok buah-buahan di bawah mana-mana skim sejak 6 tahun berakhir atau kurang.	25%	Tiada	Tiada
2	Tanah-tanah yang diwartakan sebagai <ul style="list-style-type: none"> i. tanah bukit yang tertakluk kepada <i>Land Conservation Act, 1960</i> ii. kawasan tadahan air, Enakmen Pembekalan Air 1998 (Perintah Pembekalan Air), (Kawasan Tadahan) 2004 	25%	Tiada	Tiada
3	Tanah-tanah yang telah digunakan untuk tujuan awam yang tidak mendatangkan keuntungan termasuk jalan persendirian dan jalan yang digunakan oleh orang ramai.	40%	Tiada	Tiada
4	Tanah yang mempunyai keluasan kurang daripada 100 kaki persegi. (9.2903 meter persegi). Tidak terpakai untuk skim perumahan.	RM10.00 (sehingga semakan akan datang)	Tiada	Tiada
5	Tanah-tanah yang mana pemilik tanah menghadapi kesukaran disebabkan:- <ul style="list-style-type: none"> i) Kemiskinan (rujuk data e-kasih/i-sejahtera) ii) orang kelainan upaya (OKU) iii) kurang hasil (pendapatan) daripada tanah akibat bencana dan seumpamanya/lain-lain berkaitan. iv) tiada jalan masuk/keluar 	25%	25%	50%
6	Tanah yang dimiliki bagi tujuan berikut yang tidak berorientasikan keuntungan: <ul style="list-style-type: none"> i) rumah ibadat berdaftar ii) pertubuhan-pertubuhan agama /kebajikan iii) tanah perkuburan awam iv) lain-lain institusi yang tidak berdasarkan keuntungan 	RM 10.00 (sehingga semakan akan datang)	100%	100%

7	Bangunan di atas lebih daripada satu lot	Mengenakan kadar sebenar ke atas lot terbesar manakala kadar ke atas lot yang selebihnya dikira mengikut keluasan semasa lot berkenaan. (sehingga semakan akan datang)	Tiada	25%	
8	Rumah kedai/kediaman bagi skim perumahan yang telah diluluskan pembangunan tanah tetapi tidak dibina (projek terbengkalai).	25%	25%	25%	
9	Kadar perumahan bagi tanah-tanah yang bersyarat nyata <i>First Grade</i> yang kegunaan tanah untuk perniagaan yang pada asalnya tetapi sepenuhnya dijadikan kediaman.	50%	Tiada	Tiada	
10	Kelulusan pengurangan cukai tanah yang diberi semasa hakmilik sementara diteruskan apabila hakmilik tetap dikeluarkan. Endorsan mesti dibuat dalam hakmilik DK.	Ikut Kadar QT (sehingga semakan akan datang)	Tiada	Tiada	



HAJI ZULKIFLI BIN LONG
 Pengarah Tanah Dan Galian
 Pulau Pinang